

MRT Corp terima 3 bidaan RM1.6b

MASS Rapid Transit Corporation (MRT Corp) telah menerima bidaan daripada tiga syarikat untuk membekalkan gerabak keretapi yang dianggarkan bernilai RM1.6 bilion untuk projek MRT laluan Sg Buloh-Kajang.

Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, syarikat itu ialah Changchun Railways Vehicle Co Ltd, Siemens SMH Rail Consortium dan CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co Ltd.

Tiga lagi syarikat, iaitu Kawasaki Heavy Industries Rolling Stock Co dan Bombardier Transportation bagaimanapun tidak menghantar apa-apa bidaan sementara Hyundai

Rotem Company pula telah menarik diri.

“Bidaan itu kini akan dinilai dalam satu proses empat peringkat. Kami menjangka menganugerahkan tender itu menjelang hujung Julai,” katanya dalam satu kenyataan.

Azhar berkata, MRT Corp juga sedang menimbang-nungkan kemungkinan untuk menyeragamkan gerabak untuk projek MRT di Lembah Kelang.

“Memahami sistem, merancang stok untuk alat ganti dan peralatan dan kegunaan bersama dengan lain-lain laluan adalah antara manfaat menggunakan gerabak yang sama di semua laluan MRT di KL,” katanya.